

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK**  
**KAWASAN : KUALA PILAH**  
**TARIKH :**  
**NO. SOALAN : 30**

**SOALAN**

**Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah perlu bagi Kerajaan mewujudkan satu sentralisasi ke arah pembangunan usahawan mikro di Malaysia berbanding pembangunan kini yang lebih berbentuk disentralisasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang lebih satu dekad yang lalu, pembangunan Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan keusahawanan telah muncul sebagai agenda nasional berikutan penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (NSDC) yang diselaraskan oleh SME Corp. Malaysia.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2004, NSDC terus memacu pembangunan PKS di Malaysia dengan menetapkan hala tuju strategik dan merumuskan dasar-dasar untuk mempromosikan pertumbuhan PKS termasuk mikro enterpris di semua sektor ekonomi.

Dengan wujudnya NSDC, pembangunan PKS di Malaysia dapat diselaras dan dipantau dengan lebih berkesan. Penyelarasan ini amat penting kerana ia dapat mengoptimakan sumber dan usaha Kerajaan dalam membangunkan PKS tempatan.

NDSC dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dengan keahlian terdiri dari Menteri dari 16 Kementerian serta 3 Agensi Pusat. Sebagai badan pembuat dasar tertinggi, NSDC mengambil pendekatan yang lebih menyeluruhs dalam menyelaras pembangunan PKS di Malaysia. Kejayaan NSDC dalam perjalanan ini boleh diukur menerusi beberapa hasil yang merangkumi definisi kebangsaan untuk PKS, membangunkan pangkalan data PKS dan statistik, memantau dan menganalisis prestasi PKS untuk memudahkan penggubalan dasar, memperkemas penyebaran maklumat mengenai PKS, membangunkan infrastruktur kewangan PKS dan menyokong perumusan Pelan Induk PKS.

Usaha-usaha turut dijalankan oleh 16 Kementerian (termasuk Sabah dan Sarawak) melalui lebih 60 agensi mereka untuk mewujudkan persekitaran keusahawanan yang kondusif bagi PKS untuk berkembang dengan meningkatkan akses dan kemudahan menjalankan perniagaan, memperkuatkan modal insan dan dengan melaksanakan program-program yang memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti, inovasi dan kesediaan eksport.

Selaku Agensi Penyelaras Pusat PKS, SME Corp. Malaysia berperanan untuk menyelaras, memantau dan menilai keberkesanan, kemajuan dan pencapaian program-program pembangunan PKS yang dilaksanakan oleh 16 Kementerian dan lebih 60 Agensi ini melalui Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) yang diterbitkan secara tahunan. Pada tahun 2017, terdapat 169 program pembangunan PKS yang telah dirancang dengan peruntukan sebanyak RM5.847 bilion.